

MAHATHIR - KERJASAMA

(I)

1984

KUALA LUMPUR, 2 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KERAJAAN AKAN HANYA MENIMBANGKAN USAHASAMA DIMANA PENYERTAAN RAKAN KONGSI BUMIPUTERA DIFIKIRKAN DAPAT MEMAINKAN PERANAN DENGAN AKTIF.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN AKAN MELAKUKAN HAL ITU SEKALIPUN TERDAPAT TUDUHAN BAHAWA KERAJAAN HANYA MEMBANTU MEREKA YANG TELAH PUN MAMPU BERDIRI ATAS KAKI SENDIRI.

-BERUCAP MERASMIKAN MESYUARATAGONG TAHUNAN KE 38 GABUNGAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN CHINA MALAYSIA (ACCCIM) DI SINI, BELIAU BERKATA BELIAU MENDAPATI SETENGAH ORANG MENAWARKAN SATU ATAU DUA JUTARINGGIT KEPADA ORANG-ORANG YANG TIDAK SESUAI UNTUK MENJADP RAKAN KONGSI.

RAMAI ORANG, KATANYA, TELAH DATANG KE KAWASAN PILHANRAYANYA MENCARI ORANG-ORANG YANG RAPAT DENGAN BELIAU MENAWARKAN PERKONGSIAN DAN SEBAGAI BALASAN BAGI MENDAPATKAN PENGARUH.

+SAYA BERANI MEMBERIJAMINAN BAHAWA INI ADALAH CARA YANG SUDAH TENTU TIDAK MENCHASILKAN APA YANG TUAN-TUAN MAHUKAN,+KATANYA. - LAGI.

MAHATHIR - KERJASAMA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MAHUKAN ACCCIM DAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MENUNJUKKAN KERJASAMA YANG LEBIH RAPAT.

WALAU PUN BELIAU GEMBIRA KERANA ACCCIM TELAH MENGAMBIL NASIHATNYA SEBELUM INI DENGAN SERIUS, SETAKAT INI BELUM ADA SESUATU YANG KONKRIT UJU DARI KERJASAMA ITU DAN MASIH TERDAPAT PERASAAN CURIGA MENCURIGAI ANTARA MEREKA.

+KEDUA-DUAPERTUBUHAN HENDAKLAH MENUNJUKKAN KEIKHLASAN MASING-MASING DAN JANGAN MENGANGGAP KERJASAMA SEBAGAI ALAT BAGI MENDAPATKAN KEISTIMEWAAN ATAU KEMUDANAN LAIN DARI KERAJAAN,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA KERJASAMA CHINA-MELAYU DALAM PERNIAGAAN ADALAH PENTING BAGI MENCAPAI MATA LAMAT DASAR EKONOMI BARU.

KERAJAAN, KATANYA, TIDAK BOLEH UNTUK SELAMA-LAMANYA TERUS MEMBEI SYARIKAT-SYARIKAT BAGI MENDAPATKAN BILANGAN SAHAM YANG DIPERLUKAN UNTUK BUMIPUTERA.

+LAGI PUN, KALAU KERAJAAN BERBUAT DEMIKIAN, TUAN-TUAN AKAN MENDAPATI TERPAKSA BERSAING DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT MILEK KERAJAAN DAN ITU TIDAK SIHAT UNTUK TUAN-TUAN,+ UJARNYA. - LAGI.

1529MST 02 09 84

MAHATHIR - KERJASAMA 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA ADALAH LEBIH BAIK PEMBELIAN ATAU PENUBUHAN SESEBUAH SYARIKAT ITU SECARA USAHASAMA ANTARA BUMIPUTERA DENGAN BUKAN BUMIPUTERA SUPAYA PENGLIBATAN KERAJAAN DALAM SEKTOR SWASTA BERKURANGAN.

BAGAIMANAPUN, KATA BELIAU KERJASAMA ANTARA MEREKA DALAM PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MESTILAH JUJUR DIMANA PIHAK BUMIPUTERA TIDAK MENGHARAPKAN SAHAM PERCUMA ATAU TIDAK MENJALANKAN KERJA DALAM USAHASAMA ITU.

MEREKA SEHARUSNYA MENGAMBIL BAHAGIAN YANG GIAT DAN CUBA MENINGGIKAN KEMAHIRAN DENGAN BELAJAR DARI RAKAN KONGSI MEREKA.

PIHAK BUKAN BUMIPUTERA, DI PIHAK LAIN, MESTI JANGAN MEMPENGARUHI RAKAN KONGSI BUMIPUTERA MEMBENARKAN MENGGUNAKAN NAMA MEREKA DENGAN TIDAK BERDUAT APA-APA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

PERDANA MENTERI BERKATA BUMIPUTERA YANG TIDAK MEMPUYAI KEMAMPUAN DALAM PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN SEPATUTNYA MELUANGKAN MASA MENINGKATKAN KEMAMPUAN SAMA ADA MELALUI SALURAN AKADEMIK ATAU PENYERTAAN TERUS DI PERINGKAT TERTENTU UNTUK MENDAPATKAN PENGALAMAN.

PIHAK KERAJAAN TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB MEMBAHAGIKAN KEKAYAAN KEPADA SESIAPA YANG FIKIR DIA LAYAK WALAUPUN TANPA KEBOLEHAN DAN KEJUJURAN, KATANYA.--LAGI

1609MST 02 07 84

0003

u 0093 DEB

MAHATHIR - KERJASAMA 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMINTA PARA ANGGOTA DEWAN ITU MENGELAKKAN ORANG-ORANG YANG MENDAKWA MEREKA KENAL ORANG-ORANG TERTENTU YANG BOLEH MEMBERIKAN KELULUSAN YANG PERLU JIKA MEREKA MAHU MENBANTU KERAJAAN MENCAPI MATA LAMAT DEB.

BELIAU JUGA MENASIHATKAN ACCCIMO LEBH KERANA MASYARAKAT CHINA TELAH PUN MEMPUYAI PERMAKILAN MEREKA DALAM HAL E H W A L POLITIK; DEWAN ITU HENDAKLAH MENUMPUKAN PERHATIAN TERHADAP PERNIAGAAN D A N PERINDUSTRIAN RAKYAT MALAYSIA KETURUNAN CHINA .

MENGENAI PENGWASTAAN DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP SYARIKAT PELABURAN DEWAN ITU YANG BARU DITUBUHKAN, UNICO HOLDINGS BERHADAKAN MEMAINKAN PERANAN DALAM KONTEKS PENGWASTAAN BEBERAPA PERKHIDMATAN TERBESAR KERAJAAN SEPERTI KERETAPI, TELEKOM DAN SYARIKAT PENERBANGAN.

SYARIKAT ITU, KATANYA, HENDAKLAH MENJALANKAN USAHSAMA DENGAN INSTITUSI D A N MASYARAKAT LAIN AGAR DAPAT BERFUNGSI SELARAS IDENTITI MALAYSIA. - BERNAMA.